

18/03/1997

Hargai barangan keluaran tempatan

KEMPEN menggalakkan rakyat menggunakan barangan tempatan bukanlah perkara baru. Ia berlaku setiap kali kita cuba mempromosi barangan terbaru keluaran negara. Sepatutnya, sikap memberi keutamaan kepada barangan keluaran negara sudah tersemat pada jiwa setiap rakyat. Namun berasaskan kepada cara hidup sebahagian rakyat, kita berpendapat kerajaan masih belum berjaya menarik seluruh rakyat supaya memilih barangan tempatan. Kita sedar adalah mustahil kerajaan memaksa semua rakyat supaya bersikap terlalu kekitaan hingga rakyat tidak boleh membuat pilihan. Bagi yang mampu dan mempunyai cita rasa yang tinggi, kita anggap mereka berhak membuat pilihan tersendiri. Cuma apa yang kita harapkan mereka tidak seharusnya meremehkan barangan keluaran tempatan. Pada kita mereka yang berbuat demikian tidak berhak tinggal di negara ini. Kita akui hanya golongan sederhana dan rendah yang lebih menghargai barangan yang dikeluarkan di negara ini. Ini kerana mereka memilih barangan yang harganya lebih murah daripada barang yang diimport. Golongan ini bukan saja mendapat barangan yang bermutu, malah mereka juga mendapat barangan yang lebih murah. Golongan ini sebenarnya lebih arif membuat keputusan daripada golongan yang kononnya mementingkan jenama terkenal sedangkan merekalah golongan yang sering tertipu.

Sebenarnya, kegagalan kita menarik semua rakyat supaya memilih barangan keluaran tempatan bukanlah kegagalan kerajaan, tetapi rakyat sendiri gagal memberi penghargaan kepada keluaran mereka sendiri. Rakyat hanya pandai bercakap bahawa mutu keluaran negara setanding dengan keluaran negara asing, tetapi apabila mereka meletakkan diri mereka sebagai pengguna, barangan tempatan diketepikan. Mereka akan berpendirian sebaliknya jika mereka sendiri yang terbabit mengeluarkan barangan tempatan. Ketika itu, barulah mereka sedar betapa jahilnya sesetengah rakyat dalam membuat keputusan.

Kita bimbang, selagi kita tidak mengubah sikap, pengusaha negara ini berasa jelak untuk mempromosikan barangan mereka untuk kegunaan tempatan. Adalah lebih baik mereka mempromosikan barangan mereka di luar negara kerana sambutannya lebih menggalakkan daripada mengharap rakyat tempatan sendiri membeli barangan keluaran tempatan. Ini boleh mereka lakukan menerusi pameran yang diadakan dari semasa ke semasa. Dengan bantuan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mereka boleh mendapatkan pasaran yang cukup meluas.

Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuantan, Pahang semalam bahawa bukti barangan Malaysia diiktiraf oleh orang asing ialah mereka sanggup membeli barangan berjenama yang dibuat di Malaysia. Sebelum membuat sesuatu keputusan untuk membeli sesuatu barang, biasanya kita memperhitungkan ciri tertentu bagi memenuhi selera kita. Paling utama ialah mutu sesuatu barangan. Kita tidak ada alasan untuk menyatakan barangan keluaran negara ini bermutu rendah kerana barangan yang sama dan dibuat di kilang yang sama, mendapat pasaran begitu luas di luar negara. Ini menunjukkan mutu barangan keluaran negara diterima pengguna di peringkat antarabangsa. Pada kita jika rakyat masih enggan membeli barangan keluaran tempatan, ini menunjukkan mereka tidak dapat menilai mutu sesuatu barangan. Sebenarnya, ramai pengguna yang tertipu dengan ego mereka sendiri. Walaupun mereka menggunakan pelbagai barangan yang berjenama asing, sebenarnya kebanyakan barangan itu dibuat di Malaysia. Mereka tidak sedar bahawa mereka sebenarnya menggunakan barangan

tempatan. Tetapi, jika barangan itu menggunakan jenama tempatan, tidak ramai yang berminat membelinya. Inilah yang kita anggap sebagai ego pengguna Malaysia.

Kita agak hairan mengapa sehingga ini rakyat Malaysia memilih jenama, bukan mutu sesuatu barangan. Jika kita sudah mampu mengeluarkan barangan elektrik dan elektronik, tidak ada sebab barangan lain tidak boleh kita keluarkan dengan lebih baik. Kita percaya ramai pekilang di negara ini sedar bahawa salah satu cara untuk bersaing di pasaran antarabangsa ialah dengan meningkatkan mutu. Tidak ada pengusaha kilang yang mahu memperjudikan modal yang besar mereka laburkan, untuk mengeluarkan barangan yang mutunya boleh dipersoalkan. Seboleh mungkin mereka akan pastikan mutu keluaran lebih baik daripada barangan yang sama dikeluarkan oleh syarikat asing, walau pun sebenarnya ia turut dikeluarkan di negara ini sendiri. Yang membezakannya hanyalah jenama.

Pengguna Malaysia perlulah dapat membezakan kemampuan negara hari ini dalam bidang pembuatan. Jika mereka boleh menerima kereta nasional, tidak ada sebab mereka tidak boleh menerima keluaran lain.

(END)